



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEREKA KANAN (B.3)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEREKA KANAN
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Art And Design / Graphic Design / Interior Design* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Pereka Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan / atau seni lukis.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Jabatan Perkhidmatan Teknikal

1. Mematuhi '*professional code of conduct*';
2. Sebagai Pegawai Pengawas dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan seperti yang diarahkan;
3. Melaksanakan projek mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti piawaian sistem ISO9001-200, Panduan Pentadbiran Kontrak JKR, Peraturan Kewangan, Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
4. Mengawas, memantau dan menyelaras kerja-kerja penyediaan lukisan yang dibuat oleh kakitangan di bawah jagaannya;
5. Menyediakan cadangan rekabentuk '*preliminary*' (hiasan dalaman, grafik, ruang pameran dan sebagainya) dan lanjutan untuk pengesahan klien;
6. Memberi taklimat kepada klien mengenai cadangan rekabentuk (hiasan dalaman, grafik, ruang pameran dan sebagainya) untuk pengesahan awal dan terakhir sebelum projek ditawarkan;
7. Mengawas dan mengadakan pemeriksaan projek semasa peringkat pembinaan;
8. Menyediakan maklumbalas dan menjawab semua persuratan projek bila / jika diperlukan;
9. Menilai, memantau dan melaporkan kemajuan projek setiap bulan, mesyuarat teknikal dan mesyuarat penyelarasan bila dan jika diperlukan;
10. Melakukan audit dalaman ke atas projek dan proses-proses di dalam sistem pengurusan kualiti ISO9001:2000; dan
11. Melaksanakan apa jua tugas lain seperti yang diarahkan oleh Arkitek Kanan.